## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 31 MEI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | MALAYSIA BELUM SAMPAI KE PERINGKAT KRISIS MAKANAN - MAFI, HM -ONLINE<br>NEGARA BELUM SAMPAI TAHAP KRISIS MAKANAN, NASIONAL, BH -5<br>MALAYSIA BELUM SAMPAI KE PERINGKAT KRISIS MAKANAN, NASIONAL, SH -5<br>LONG TERM SOLUTIONS TO CHICKEN PROBLEMS, SPEAK UP, THE SUN -9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 5.<br>6. | JAKIM TEAM TO AUDIT ABATTOIRS IN AUSTRALIA, NEWS IN BRIEF, NST -10<br>HAMPIR 13,000 LEMBU TERIMA VAKSIN LSD, NEGERI TERENGGANU, SH -26 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 7. | BILIK BEKU KOSONG SEJAK COVID-19, DALAM NEGERI, UM -10 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 8. | KADA BAKAL BINA RUMAH PAM KEMUBU 3, HARAKAH DAILY -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 9.<br><br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br><br>16.<br>17.<br><br>18. | 'ISU BEKALAN MAKANAN SEPATUTNYA SUDAH DALAM JANGKKA'<br>- AHMAD ZAHID, SH -ONLINE<br>TASIK SURUT: PERAK MOHON LAKUKAKN PEMBENIHAN AWAN, UM -ONLINE<br>RISDA PERUNTUK RM20 JUTA UNTUK INISIATIF AGROMAKANAN, HM -ONLINE<br>JAGUNG BIJIAN FIKUS UTAMA, LOKAL, HM -17<br>PENTERNAK DESAK HARGA SILING AYAM DINAIKKAN, DALAM NEGERI, UM -5<br>HARGA SAYUR NAIK 3 KALI GANDA, MUKA DEPAN, BH -1<br>PEMBORONG NAIK HARGA, BEKALAN SIKIT PUNCA SAYUR MAHAL, NASIONAL,<br>BH -2<br>PATIN TEMERLOH NAIK RM3 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -5<br>INDUSTRY TO WAIT AND SEE AS CHICKEN CEILING PRICE ENDS ON SUNDAY,<br>NATION, THE STAR -6<br>'BOOST AGRICULTURAL OUTPUT INSTEAD', NEWS, NST -3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Malaysia belum sampai ke peringkat krisis makanan – Mafi



Pengguna membeli bekalan ayam ketika tinjauan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan. FOTO AZHAR RAMLI

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) hari ini memberi jaminan bahawa bekalan makanan dalam negara masih mencukupi dan negara belum sampai ke peringkat krisis makanan seperti yang didakwa segelintir pihak.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) kementerian itu, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, meskipun terdapat sedikit gangguan terhadap bekalan makanan khususnya ayam dan gandum, namun ia tidak menjejaskan bekalan negara.

"Ini kerana sekitar 94 peratus pengeluaran ayam adalah untuk bekalan tempatan manakala enam peratus sahaja untuk eksport.

"Secara keseluruhan, negara kita mengeluarkan sekitar 54 juta ekor ayam sebulan dan kapasiti pengeluaran ini boleh menampung keseluruhan keperluan rakyat," katanya ketika menjadi tetamu program Koresponden Bernama terbitan Bernama TV bertajuk "Krisis Makanan: Apakah Jaminan Mafi Terhadap Sekuriti Makanan Negara?, hari ini.

Beliau berkata selain itu, sekitar 72 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan menternak ayam adalah makanan dan makanan ayam ini diimport dari luar negara seperti Brazil dan Argentina.

"Jagung bijian yang digunakan untuk makanan ayam kita tidak tanam lagi di Malaysia secara besar-besaran dan oleh sebab itu, Mafi ke arah mengindustrikan jagung bijian supaya kita dapat menyelesaikan isu import jagung bijian dari luar negara," katanya.

Badrul Hisham turut mencadangkan agar pengeluar sawit misalnya memperuntukkan sedikit daripada keluasan tanah ladang untuk penanaman jagung bijian sebagai langkah mengurangkan kebergantungan negara kepada jagung bijian dari luar negara yang memakan kos yang tinggi.

Dalam pada itu, mengulas mengenai isu gandum pula, Badrul Hisham berkata keputusan India mengenakan sekatan eksport gandum tidak memberi kesan memandangkan sumber utama bekalan gandum negara datang daripada Australia, Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

Katanya, India hanya mengeksport sekitar 1.9 peratus sahaja bekalan gandum mereka untuk pasaran dalam negara.

Sementara itu, Badrul Hisham berkata Mafi dan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang berusaha mengatasi isu ini bagi memastikan rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 31/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Negara belum sampai tahap krisis makanan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan makanan dalam negara masih mencukupi dan negara belum sampai ke peringkat krisis makanan seperti didakwa sesetengah pihak.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata meskipun ada sedikit gangguan terhadap bekalan makanan khususnya ayam dan gandum, ia tidak jejaskan bekalan negara.

"Sekitar 94 peratus pengeluaran ayam adalah untuk bekalan tempatan, manakala enam peratus sahaja untuk eksport.

"Secara keseluruhan, negara mengeluarkan sekitar 54 juta ekor ayam sebulan dan kapasiti pengeluaran ini boleh menampung keseluruhan keperluan rakyat," katanya, semalam.

Beliau berkata, kira-kira 72 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan menternak ayam adalah makanan dan makanan ayam ini diimport dari luar negara seperti Brazil dan Argentina.

"Jagung bijian digunakan untuk makanan ayam kita tidak tanam lagi di Malaysia secara besar-besaran dan oleh itu, MAFI ke arah mengindustrikan jagung bijian supaya kita dapat menyelesaikan isu import bahan itu dari luar negara," katanya.

Sementara itu, Badrul Hisham mencadangkan pengeluar sawit misalnya memperuntukkan sedikit daripada keluasan tanah ladang untuk penanaman jagung bijian sebagai langkah mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan itu dari luar negara yang memakan kos tinggi.

Mengulas isu gandum pula, Badrul Hisham berkata, keputusan India mengenakan sekatan eksport gandum tidak memberi kesan memandangkan sumber utama bekalan gandum negara datang dari Australia, Amerika Syarikat (AS) dan negara lain.

Katanya, India hanya mengeksport kira-kira 1.9 peratus sahaja bekalan gandum mereka.

BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Malaysia belum sampai tahap krisis makanan

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bahawa bekalan makanan dalam negara masih mencukupi dan negara belum sampai ke peringkat krisis makanan seperti yang didakwa sesetengah pihak.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) kementerian itu, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata meskipun terdapat sedikit gangguan terhadap bekalan makanan khususnya ayam dan gandum, namun ia tidak menjejaskan bekalan negara.

"Ini kerana sekitar 94 peratus pengeluaran ayam adalah untuk bekalan tempatan manakala enam peratus sahaja untuk eksport.

"Secara keseluruhan, negara kita mengeluarkan sekitar 54 juta ekor ayam sebulan dan kapasiti pengeluaran ini boleh menampung keseluruhan keperluan rakyat," katanya ketika menjadi tetamu program Koresponden Bernama terbitan *Bernama TV* bertajuk Krisis Makanan: Apakah Jaminan MAFI Terhadap Sekuriti Makanan Negara hari ini?.

Beliau berkata selain itu, sekitar 72 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan menternak ayam adalah makanan dan makanan ayam ini diimport dari luar negara seperti Brazil dan Argentina.

"Jagung bijian yang digunakan untuk makanan ayam kita tidak tanam lagi di Malaysia secara besar-besaran dan oleh sebab itu, MAFI ke arah mengindustrikan jagung bijian supaya kita dapat menyelesaikan isu import jagung bijian dari luar negara," katanya.

Badrul Hisham turut mencadangkan agar pengeluar sawit misalnya memperuntukkan sedikit daripada keluasan tanah ladang untuk penanaman jagung bijian sebagai langkah mengurangkan kebergantungan negara kepada jagung bijian dari luar negara yang memakan kos yang tinggi.

Dalam pada itu, mengulas mengenai isu gandum pula, Badrul Hisham berkata keputusan India mengenakan sekatan eksport gandum tidak memberi kesan memandangkan sumber utama bekalan gandum negara datang daripada Australia, Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

Katanya, India hanya mengeksport sekitar 1.9 peratus sahaja bekalan gandum mereka untuk pasaran dalam negara.

Sementara itu, Badrul Hisham berkata, MAFI dan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang berusaha mengatasi isu ini bagi memastikan rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi.-*Bernama*

# Risda, Felcra bekerjasama ternak ayam daging

**KUALA LUMPUR** - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) meluaskan peranannya untuk terlibat dalam agromakanan negara dengan merancang menternak ayam daging bagi membantu menampung bekalan makanan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, selain lembu, ternakan ayam menjadi sasaran baharu agensi itu memandangkan terdapat isu kekurangan bekalan bagi keperluan tersebut, baru-baru ini.

"Selain lembu, Risda dan Felcra (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan) sedang berbincang berkolaborasi bagi terlibat dalam penternakan ayam. Ia akan melibatkan ladang-ladang dua agensi ini di seluruh negara, perkara ini sedang dibincangkan," katanya selepas majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Risda di sini pada Isnin.

Sementara itu, Mahdzir berkata, kira-kira 82,000 kilogram jagung bijian untuk dijadikan bahan makanan ternakan dijangka dituai Julai ini.

Beliau berkata ia merupakan sebahagian program tanaman jangka pendek melibatkan 750,000 pokok dalam kawasan seluas 15 hektar di Perlis secara ladang kontrak.

"Tanaman jagung bijian ini menjadi fokus Risda pada tahun ini dalam membantu kerajaan mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan ternakan," katanya.

Mahdzir berkata program tanaman berkenaan termasuk dalam membantu sasaran kerajaan mengeluarkan 600,000 tan metrik jagung bijian untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Sementara itu, Pengerusi Risda, Datuk Seri Mohd Salim Mohd Sharif berkata, rancangan ternakan ayam menyasarkan 500,000 ekor ayam daging organik bagi sekali tuaian.

"Risda mampu membantu kerajaan mengatasi isu bekalan ayam, kita akan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Kita akan uruskan ladang ternakan ini dan kita merancang menghasilkan ayam yang lebih sihat, halal dan bersih dengan harga berpatutan," katanya.-*Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | THE SUN | SPEAK UP | 9 |

# Long-term solutions to chicken problems

COMMENT by Jamari Mohtar

ONE long-term solution which was mentioned in Prime Minister Ismail Sabri Yaakob's statement after the May 23 Cabinet meeting to discuss solutions to the shortage of chicken in the country is for Malaysia to be self-sufficient in producing chicken feed.

This will reduce the hefty cost of poultry farming in light of the high cost of fertilisers and wheat, and the vulnerability of imports to currency fluctuations

The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) and the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry have been tasked to present plans on the proposal for the cultivation of corn and the use of palm kernel cake as chicken feed alternatives.

In response to this, the Kelantan state government is ready to cultivate corn as a long-term alternative to poultry feed.

Its state executive councillor for Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology and Environment, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail is reported to have said several corn varieties of the cereal crop for animal feed planted in Bachok four years ago have proven to have high yields, but the programme was stopped due to the lack of market demand at that time.

"In the past, we planted grain corn to be processed as animal feed, including chicken, but it had to be replaced with sweet corn, pearl corn and fat corn because grain corn was less popular in the market at that time.

"Now the government is ready to convert the existing maize crop to grain maize to be processed into food for livestock.

"The state government and farmers are ready to work together for the development of animal feed that can be done on a large scale, including on abandoned agricultural lands," he was quoted as saying.

He added, that the farmers need support from the federal government through incentives and subsidies related to fertilisers and pesticides because they are burdened with a double increase in the price of planting materials and need to ensure that they can be sold, for example through contract agreements with any relevant parties.

Also, the state government is working to increase its maize yield in Jeli, from one million crops to 10 million.

"Kelantan also has maize crops of these types in Lojing, Gua Musang, Tanah Merah and Bachok which can be used as animal feed based on a study. It's just that the corn needs to go through a drying process and be crushed as well as added with ingredients such as soy to increase the nutrition to be given to livestock," he said.

On May 23, the federal Cabinet asked state governments, government agencies and government-linked companies to grant Temporary Occupancy Licences to farmers so they could cultivate maize as poultry feed.

The Cabinet also gave an immediate green light for cooperatives involved in the plantation sector to hire foreign workers, to overcome the current poultry shortage in the country.

The government's move towards self-sufficiency in animal feed was already announced last month by the Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee when he said the government is formulating a policy to reduce dependence on animal feed imports by promoting grain corn farming.

He announced then 80,000ha nationwide will be used to plant grain corn by the year 2023, and it encouraged private large scale farming of this crop.

It is unclear if this is linked to the Grain Corn Development Master Plan (2018-2032) launched by the government in 2016 to produce 30% of grain corn required for domestic consumption.

> *To attract the participation of the youths in this animal feed farming industry, the government has to make this industry more appealing and 'sexier' to them by introducing extensively fourth industrial revolution technologies in the industry*

The government had grappled with the grain corn production issue since the 1960s when it was identified as a key vulnerability to the nation's food security.

From 1989 to 1992, a commercial trial was conducted, but the yield was low compared with other crops such as oil palm and thus deemed unsustainable. The project was terminated in 1996.

In the past years, the ministry has evaluated grain corn industries in neighbouring Thailand, the Philippines and Indonesia, and believes it can succeed this time by following these countries' lead according to the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi).

Indonesia produced 12 million metric tons of grain corn in 2020, followed by the Philippines (8 million metric tons), Thailand (5.5 million metric tons) and Vietnam (4.54 million metric tons).

In contrast, Malaysia produced 80,000 metric tons of corn, much of which is sweet corn not used for animal feed.

Under the 2016 Master Plan, the ministry aimed to open 30,000ha of land for grain corn farming in low humidity flatlands like in Chuping, Perlis, Seberang Perai in Penang and Bachok in Kelantan, which was estimated to result in the production of 1.4 million metric tons of grain corn.

A pilot project commenced in 2020 in which Mardi has been collaborating with the Indonesian Cereals Research Institute to share technology and hybrid seeds since 2018.

Mardi researchers said Indonesia's grain production grew after it replicated and adapted what was done in the US, so Malaysia is learning from Indonesia and adapting these practices locally.

"It is not too late to revitalise the corn industry and become one of the grain corn players in the world," the researchers said.

On May 16, the Selangor and Negeri Sembilan governments also signed a memorandum of agreement to plant grain corn in Gemas and the Kuala Langat Selatan Forest Reserve.

A total of RM3 million was allocated for the joint venture, involving 238.3ha of land, with land clearing expected to begin in the third quarter of this year.

The project is expected to produce 5,490 metric tons of grain corn a year, with the aim of reducing import dependence by 2% to 3%.

Another long-term solution that needs to be thought of is the impact of climate change on farming in which unpredictable rain-causing floods occur with greater frequency.

This is actually the province of the Environment and Water Ministry where global warming has caused climate change with tragic consequences.

What Mafi can do is to think of ways and means on how the animal feed farmers can be financially compensated when force majeure occurs, i.e unforeseeable circumstances that prevent someone from fulfilling a contract.

Common examples of force majeure events include acts of war, terrorist attacks, epidemics, pandemics like Covid-19, deaths, labour strikes, riots, crime or property theft, acts of God, natural disasters (like blizzards, earthquakes, or hurricanes) or acts of terrorism.

This can take the form of legislation for the animal feed farmers to keep aside a certain sum, with ringgit to ringgit matching by the government so that they can continue their farming operation after a certain force majeure occurs.

Or an insurance scheme against force majeure in which the annual premium is partly subsidised by the government.

Finally, to attract the participation of the youths in this animal feed farming industry, the government has to make this industry more appealing and "sexier" to them by introducing extensively Fourth Industrial Revolution technologies in the industry.

*Jamari Mohtar is the Editor of Let's Talk!, an e-newsletter on current affairs. Comments: letters@thesundaily.com*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | NST | NEWS IN BRIEF | 10 |

# Jakim team to audit abattoirs in Australia

**TAIPING:** The Islamic Development Department Malaysia (Jakim) will send a halal team to conduct audits at all abattoirs and at the Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc (Sichma). Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Idris Ahmad said this came after Sichma, as Australia's halal certification body, confirmed that the Thomas Foods International Lobethal abattoir had violated halal protocols in the slaughtering process. "Before Sichma's admission, we had taken action to stop accepting meat from the abattoir, pending an investigation." He said from May 13, products from the abattoir were not allowed to be imported and products that were on the market were handed over to the Veterinary Services Department. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 26 |

# Hampir 13,000 lembu terima vaksin LSD

**KUALA TERENGGANU** - Hampir 13,000 ekor ternakan lembu dari 695 premis di Terengganu sudah menerima vaksin penyakit kulit kental ataupun *lumpy skin disease* (LSD).



DR ANUN

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man berkata, semua lembu tersebut divaksin dalam program vaksinasi LSD yang digerakkan JPV bermula Oktober hingga April lalu.

Menurutnya, kerajaan negeri juga memberi sokongan dalam vaksinasi tersebut dengan memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk perolehan bekalan vaksin LSD bagi pencegahan wabak penyakit LSD di negeri Terengganu.

"Sejak penyakit LSD melanda negara, JPV negeri Terengganu telah membuat pemantauan terhadap penyakit ini dan merekodkan 50 kes jangkitan LSD pada lembu di 25 premis.

"Daripada jumlah itu, kita telah melupuskan sebanyak 43 ekor lembu yang positif pada tahun lepas," katanya kepada pemberita di sini pada Isnin.

Dr Anun berkata, vaksinasi merupakan perkara utama yang dititiberatkan dalam mengawal rebakan penyakit dan selepas vaksinasi LSD dilakukan, penyakit tersebut berjaya dikawal.

Ujarnya, setakat ini terdapat 85,000 ekor ternakan lembu berdaftar melibatkan hampir 5,000 penternak di Terengganu dan vaksinasi LSD akan diteruskan dari masa ke masa.

Selain itu jelasnya, JPV juga mengawal rebakan penyakit ke kawasan-kawasan lain melalui Akuan Kebenaran Pindah (AKP) atau permit pergerakan bagi membolehkan haiwan, hasil dan produk haiwan dipindahkan dari satu premis ke satu premis secara sah.

"Dalam tempoh dua tahun, kita berjaya mengesan 30 kes pemindahan ternakan tanpa permit di seluruh Terengganu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# Bilik beku kosong sejak Covid-19

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my



PERSATUAN Nelayan Kuala Kedah mendakwa bekalan ikan kurang sepanjang pandemik Covid-19 menyebabkan bilik sejuk beku disediakan LKIM tidak beroperasi ketika tempoh itu.

**ALOR SETAR:** Persatuan Nelayan Kuala Kedah (PNKK) memberi alasan kekurangan bekalan ikan sejak pandemik Covid-19 lalu menyebabkan tempat simpanan ikan sejuk beku yang disediakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak beroperasi dalam tempoh tersebut.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, sebelum ini, pihaknya tidak mendapat bekalan ikan secukupnya untuk disimpan di bilik sejuk beku dari 2020 hingga tahun lalu.

Malah, menurut beliau, sebelum pandemik juga, hasil tangkapan ikan nelayan tempatan juga berkurangan menyebabkan tempat simpanan ikan sejuk beku itu tidak beroperasi.

"Ketika pandemik Covid-19, kebanyakan nelayan terutamanya pemilik bot laut dalam tidak dapat beroperasi sepenuhnya kerana kekurangan pekerja asing.

"Pada masa ini pula jumlah tangkapan ikan masih berkurangan sehingga harga ikan tinggi di pasaran dan tidak mampu dibeli oleh PNKK untuk disimpan dalam bilik sejuk tersebut," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Abdul Hamid memberitahu, bilik sejuk simpanan ikan di LKIM Kuala Kedah di sini dapat menampung kira-kira 100 tan metrik pada satu-satu masa.

Jelasnya, sebelum ini, PNK Kuala Kedah akan membeli ikan ketika berlaku lambakan ikan dan disimpan di bilik sejuk beku tersebut.

"Apabila berlaku kekurangan ikan di pasaran seperti musim tengkujuh, ikan yang disimpan dalam bilik sejuk beku itu dijual semula untuk menampung keperluan di pasaran," katanya.

Sementara itu, Pengarah LKIM Kedah, Dr. Syed Abd. Salim Tajudin ketika dihubungi pula tidak mahu memberi sebarang ulasan mengenai masalah tersebut.

*Mingguan Malaysia* pada 29 Mei lau melaporkan masalah birokrasi didakwa menyebabkan tempat simpan ikan sejuk beku LKIM kosong dan gagal memainkan fungsinya sebagai stok penyimpanan sumber protein negara.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kekurangan bekalan dan peningkatan harga ikan di pasaran selama ini bukan semata-mata disebabkan cuaca dan penguasaan kartel.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

# KADA bakal bina Rumah Pam Kemubu 3




**KOTA BHARU:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan membina sebuah Rumah Pam Kemubu 3 bernilai RM34 juta, sebagai persediaan untuk mengatasi masalah kekurangan sumber air terutama ketika berlaku musim kemarau.

Pengurus Besar KADA Nik Roslan Idris berkata peruntukan bagi pembinaan pam berkenaan, telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan dijangka akan mula dibina pada akhir tahun ini, sebelum siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Beliau berkata pam terbabit juga dapat mengatasi isu utama pesawah di Kelantan yang berdepan dengan masalah kekurangan sumber air, kerana ia mampu dipam walaupun berada pada paras cetek.

"Pembinaan Pam Kemubu 3 ini merupakan antara inisiatif jangka panjang KADA, untuk mengatasi masalah kekurangan sumber air yang terpaksa ditanggung oleh pesawah, terutama ketika musim kemarau.

"Tindakan ini juga diambil memandangkan pam sedia ada di Kemubu, Lemal dan Kasa, tidak dapat beroperasi sebaik mungkin apabila musim kemarau, kerana air tidak dapat dipam berikutan paras Sungai Kelantan menjadi cetek," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri KADA di Ibu Pejabat KADA, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Roslan berkata pihaknya juga telah membuat persediaan dengan menyediakan sebanyak kira-kira 300 buah pam, termasuk pam bergerak dan '*Backward Pump*', memandangkan ketika ini telah berlaku musim kemarau sejak pertengahan Mei lalu.

Katanya, antara jajahan yang berisiko terjejas pada musim kemarau ini adalah Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh, yang membabitkan sekitar lebih 2,000 pesawah.

"Kebiasaanya apabila kita berdepan dengan musim kemarau seperti tahun 2019, apa yang kita buat adalah membekalkan pam mudah alih kepada pesawah yang menghadapi masalah bekalan air, yang mana ia mampu membekalkan air sekitar 10 hingga 100 ekar bergantung kepada jenis pam.

"Pam-pam mudah alih ini akan mengambil sumber air yang berada di kawasan sekitar sekiranya pam utama tidak dapat digunakan," katanya yang menambah telaga tabung akan digunakan, sekiranya kawasan terbabit terjejas teruk disebabkan musim kemarau. – **BERNAMA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# 'Isu bekalan makanan sepatutnya sudah dalam jangkaan' - Ahmad Zahid



SHAH ALAM - Isu bekalan makanan sepatutnya sudah dalam jangkaan pihak bertanggungjawab disebabkan faktor pandemik dan cuaca.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kementerian dan agensi berkaitan seharusnya mempunyai pelan kontigensi yang telah direka untuk menangani hal yang sudah diduga akan berlaku.

Tambahnya, beliau pernah menyuarakan kerisauan tentang peningkatan harga ikan disebabkan kekurangan bekalan ayam dan kebimbangan itu ternyata berasas.

"Selepas isu kekurangan bekalan ayam melanda negara sehinggakan bos Mydin terpaksa ke Thailand mencari bekalan, kini bekalan ikan pula dilaporkan berdepan masalah.

"Tentunya keadaan lebih memburuk apabila pendaratan ikan terutama di utara semenanjung dilaporkan berkurangan sehingga 70 peratus.

"Daripada lebih sejuta tan kepada hanya kira-kira 300,000 tan sebulan berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Pada Sabtu, Bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Mohd Faiz Fadzil mendakwa masalah kekurangan ikan ketika ini berpunca daripada pengurusan dan pengendalian agensi kerajaan yang terlibat sehingga memberi kesan kepada pengguna.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, malangnya hanya sikap menunding jari sahaja yang berlaku.

"Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mendakwa masalah birokrasi dan sistem penyampaian yang lemah punca kekurangan bekalan ikan di negara ini.

"Beliau mendakwa telah membentangkan masalah bekalan ikan kepada lembaga pengarah yang dianggotai oleh kementerian berkaitan.

"Iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) agar tindakan segera diambil.

"Namun dakwanya masih tiada jawapan balas mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung kesan kenaikan harga ikan," ujarnya.

Tambah beliau, rakyat tidak peduli dan tiada masa untuk adegan salah menyalah kerana mereka yang terpaksa menanggung kesannya.

“Rakyat perlukan solusi pantas dan tentunya kementerian serta agensi yang dipertanggungjawabkan perlu menyelesaikannya.

“MAFI, MOF, EPU dan LKIM perlu sepakat dan bertindak segera jika benar masalah birokrasi dan sistem penyampaian yang lemah punca permasalahan,” jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Tasik surut: Perak mohon lakukan pembenihan awan



SAARANI MOHAMAD

TAIPING: Kerajaan Perak sedang mengkaji kos pembinaan terowong air dari Sungai Perak ke kolam Bukit Merah di Bagan Serai bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air semasa musim kemarau.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kajian masih berjalan dan projek itu adalah perancangan jangka panjang kerajaan negeri.

"Memang ada dalam perancangan untuk membina terowong air dari Sungai Perak ke empangan Bukit Merah untuk kegunaan pada waktu-waktu diperlukan seperti semasa musim kemarau.

"Tapi kos pembinaan terowong masih dalam peringkat kajian," kata beliau pada Program Menteri Besar bersama Rakyat (Mesra) Daerah Larut, Matang dan Selama di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering di sini hari ini.

Mengulas paras air Tasik Bukit Merah yang semakin surut, Saarani berkata, kerajaan negeri akan menjalankan pembenihan awan untuk mengatasi masalah terbabit.

Kata beliau, penyusutan paras air di Tasik Merah telah dilaporkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria pada mesyuarat kerajaan negeri dua minggu lalu.

Katanya, Razman turut mencadangkan agar kerajaan negeri membuat permohonan pembenihan awan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mengisi air di Tasik Bukit Merah.

"Bila ada pembenihan awan maka ia akan bekalkan air hujan pada tempat berkenaan dan kerajaan negeri akan cuba memberikan peruntukan seperti mana yang diminta.

"Petani juga harus memastikan tidak berlaku pembaziran dalam penggunaan air sebab sumber terhad," katanya. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# RISDA peruntuk RM20 juta untuk Inisiatif Agromakanan



MAHDZIR ketika sidang media. FOTO Aziah Azmee

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) memperuntukkan RM20 juta melalui inisiatif Program Agromakanan untuk menyokong dasar agromakanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, menerusi peruntukan itu, RISDA mensasarkan pengeluaran 600,000 tan metrik jagung bijian untuk makanan ternakan.

Katanya, tanaman jagung bijian menjadi fokus RISDA pada tahun ini bagi membantu kerajaan mengurangkan pergantungan import makanan ternakan yang mana kerajaan menyasar mengeluarkan 600,000 tan metrik jagung bijian untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Tanaman jagung bijian ini sudah dilaksanakan di Perlis membabitkan 750,000 pokok dengan kawasan penanaman seluas 15 hektar sejak Februari lalu.

"Projek dibawa pengurusan RISDA Agro Sdn Bhd ini dijangka menghasilkan sebanyak 82,200 kilogram jagung bijian yang akan dituai pada Julai depan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri RISDA, di sini, hari ini.

Majlis Aidilfitri anjuran RISDA dan anak syarikat dibawah agensi itu turut dihadiri Pengerusi RISDA Datuk Seri Mohd Salim Mohd Sharif, Ketua Pengarah RISDA Datuk Abdullah Zainal dan lebih 2,000 tetamu.

Pada majlis sama, Mahdzir mewakili RISDA menyampaikan hadiah sumbangan cek RM2,000 dan hamper kepada Rumah Kasih Nurul Hasanah dan Pertubuhan Kebajikan Asnaf An-Naafi.

Sumbangan duit raya turut diberikan kepada 13 kanak-kanak dari Tabika KEMAS, Taman Uda Jaya, Ampang, Selangor.

Mahdzir berkata, Program Agromakanan RISDA ini turut membabitkan 1,000 peserta di seluruh negara dengan maksimum bantuan sebanyak RM20,000 bagi setiap peserta.

"Peserta boleh memilih untuk melaksanakan tiga skop projek iaitu tanaman jangka pendek dan jangka panjang atau aktiviti ternakan.

"Projek ini juga boleh dimajukan secara berkumpulan membabitkan kerjasama Koperasi Pekebun Kecil dan syarikat di bawah Kumpulan RISDA Holdings.

"Peruntukan itu juga bagi menggalakkan pekebun kecil meneroka sumber baharu bagi meningkatkan pendapatan serta mengurangkan kebergantungan terhadap pendapatan dari sumber getah," katanya.

Untuk rekod, pada tahun 2020 dan 2021 sahaja, KPLB sudah menyalurkan peruntukan lebih RM23 juta di mana 56 peratus peserta melaksanakan tanaman jangka pendek, 39 peratus aktiviti ternakan dan lima peratus lagi terbabit dalam penanaman jangka panjang.

Bagi memberikan pulangan yang tinggi kepada peserta dengan melihat kepada permintaan pasaran, penanaman tanaman jangka pendek ketika ini seperti cili, halia, sayuran hijau dan ternakan lembu menjadi fokus utama RISDA dan KPLB.

Kerjasama RISDA bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi seperti Jabatan Pertanian, Veterinar, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memastikan pelaksanaan program agromakanan RISDA selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Jagung bijian fokus utama

## KPLB menerusi RISDA peruntuk RM20 juta untuk inisiatif Program Agromakanan

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) memperuntukkan RM20 juta melalui inisiatif Program Agromakanan untuk menyokong dasar agromakanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, menerusi peruntukan itu, RISDA mensasarkan pengeluaran 600,000 tan metrik jagung bijian untuk makanan ternakan.

Katanya, tanaman jagung bijian menjadi fokus RISDA pada tahun ini bagi membantu kerajaan mengurangkan pergantungan import makanan ternakan yang mana kerajaan menyasar mengeluarkan 600,000 tan metrik jagung bijian untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Tanaman jagung bijian ini sudah dilaksanakan di Perlis membabitkan 750,000 pokok dengan kawasan penanaman seluas 15 hektar sejak Februari lalu.

"Projek dibawa pengurusan RISDA Agro Sdn Bhd ini dijangka menghasilkan sebanyak 82,200 kilogram jagung bijian yang akan dituai pada Julai depan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri RISDA di sini, semalam.



MAHDZIR (dua dari kiri) bersama Mohd Salim pada Majlis Sambutan Aidilfitri RISDA di Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang. - Gambar NSTP/ AZIAH AZMEE

Majlis Aidilfitri anjuran RISDA dan anak syarikat dibawah agensi itu turut dihadiri Pengerusi RISDA Datuk Seri Mohd Salim Mohd Sharif, Ketua Pengarah RISDA Datuk Abdullah Zainal dan lebih 2,000 tetamu.

Pada majlis sama, Mahdzir mewakili RISDA menyampaikan hadiah sumbangan cek RM2,000 dan hamper kepada Rumah Kasih Nurul Hasanah dan Pertubuhan Kebajikan Asnaf An-Naafi.

Sumbangan duit raya turut diberikan kepada 13 kanak-kanak dari Tabika KEMAS, Taman Uda Jaya, Ampang, Selangor.

Mahdzir berkata, Program Agromakanan RISDA ini turut membabitkan 1,000 peserta di seluruh negara dengan maksimum bantuan sebanyak RM20,000 bagi setiap peserta.

"Peserta boleh memilih untuk melaksanakan tiga skop projek iaitu tanaman jangka pendek dan jangka panjang atau aktiviti ternakan.

"Projek ini juga boleh dimajukan secara berkumpulan membabitkan kerjasama Koperasi Pekebun Kecil dan syarikat di bawah Kumpulan RISDA Holdings.

"Peruntukan itu juga bagi menggalakkan pekebun kecil meneroka sumber baharu bagi meningkatkan pendapatan serta mengurangkan kebergantungan terhadap pendapatan dari sumber getah," katanya.

Untuk rekod, pada tahun 2020 dan 2021 sahaja, KPLB sudah menyalurkan peruntukan lebih RM23 juta di mana 56 peratus peserta melaksanakan tanaman jangka pendek, 39 peratus aktiviti ternakan dan lima peratus lagi terbabit dalam penanaman jangka panjang.

Bagi memberikan pulangan yang tinggi kepada peserta dengan melihat kepada permintaan pasaran, penanaman tanaman jangka pendek ketika ini seperti cili, halia, sayuran hijau dan ternakan lembu menjadi fokus utama RISDA dan KPLB.

Kerjasama RISDA bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi seperti Jabatan Pertanian, Veterinar, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memastikan pelaksanaan program agromakanan RISDA selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# Penternak desak harga siling ayam dinaikkan

**PETALING JAYA:** Penternak ayam lebih tertekan memikirkan harga siling ayam yang tidak naik seiring dengan peningkatan harga barang makanan lain berbanding memikirkan arahan kerajaan menghentikan sementara pengeksportan ayam.

Kata mereka, eksport ayam yang dihentikan oleh kerajaan mulai esok tidak memberi kesan yang besar kepada penternak kerana bekalan ayam di pasaran tempatan masih mendapat permintaan yang tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Persatuan Penternak Ayam Pahang memaklumkan, untuk mendapatkan jumlah pengeluaran ayam seperti dahulu, mereka memerlukan masa yang panjang bagi menstabilkan keadaan di ladang.

"Pengeluaran ayam negara sebelum pandemik adalah sebanyak 4 juta ekor sehari. Setelah pelbagai liku yang kami hadapi, kami masih perlukan masa lagi untuk mencapai tahap pengeluaran seperti dahulu.

"Selama dua tahun ketika pandemik, kami penternak bertahan tanpa menerima sebarang bantuan kononnya dianggap sebagai industri matang sehingga ada yang menutup perniagaan. Ia telah membunuh 40 peratus pengusaha ladang ternakan kecil," katanya.

Beliau berkata, kemasukan 'muka baru' dan penternak yang tidak berani untuk menambah jumlah ayam di ladang membantutkan proses pengeluaran ayam dengan banyak dan tidak capai standard seperti sebelumnya.

"Pengumuman membuka semula industri sepatut diberitahu dua bulan lebih awal, sekurang-kurangnya kami mampu bersedia untuk membekalkan jumlah ayam yang mencukupi, ditambah pula sambutan Aidilfitri, memang berlaku kekurangan ayam.

"Mereka yang baru perlu banyak lagi belajar tentang ternakan ayam ini..itu yang wujud masalah ayam tak cukup saiz, penternak kontrak tak berani masuk ayam dan mengambil inisiatif sewakan kepada 'muka baru'," katanya.

Baru-baru ini, kerajaan mengambil tindakan drastik dengan dengan menghentikan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan mulai 1 Jun bagi mengatasi isu bekalan ayam dan kenaikan harga barang.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan, **tidak** logik untuk mengekalkan harga siling RM8.90 dibandingkan peningkatan harga makanan lain sejak kebelakangan ini.

"Tahun 2000, ayam sekilogram RM5.60, harga ikan kembung RM6 sekilo. Sekarang ikan kembung RM20 sekilogram, memang tak logik perbezaan harga ini, Malaysia antara harga ayam paling murah.

"Harga ayam wajar dinaikkan di samping kerajaan menentukan harga dedak dan beri subsidi kepada penternak kerana tiada siapa mahu membela ayam, majoriti orang lama yang mempunyai hutang bank kekal dalam industri ini," katanya.



**PENTERNAK mendakwa harga ayam kekal rendah sejak 20 tahun lalu dan tidak seiring dengan kenaikan harga bahan makanan lain termasuk ikan sudah naik berlipat kali ganda.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |


# Pemborong naik harga, bekalan sikit punca sayur mahal




*Terung antara sayur yang mengalami kenaikan harga di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan.* (Foto Azhar Ramli/BH)

## Kadar kenaikan RM2 hingga RM3 sekilogram tambah lagi beban rakyat


Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Zatul Iffah Zolkiply dan Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my


**Alor Setar:** Bekalan tidak mencukupi, selain kenaikan harga pada peringkat pemborong antara punca harga pelbagai jenis sayur di beberapa negeri meningkat mendadak.

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar, di sini, mendapati peningkatan paling tinggi membabitkan terung panjang yang dijual sehingga RM10.50 sekilogram berbanding hanya RM7 ketika Ramadan lalu, selain terung bulat yang kini dijual RM12 sekilogram.

Seorang peniaga, Mawardi Taha, 51, berkata sayuran lain turut mengalami kenaikan harga adalah kacang panjang yang kini dijual RM10 sekilogram berbanding RM7 pada bulan lalu, manakala harga cili padi naik sehingga RM13 sekilogram berbanding hanya RM10 sebelum ini.

"Kami tidak ada pilihan (selain menaikkan harga) kerana pemborong mula menaikkan harga antara RM2 hingga RM3 bagi setiap jenis sayur.

"Ada pembeli marah, tetapi kami sendiri tidak untung banyak dalam keadaan begini. Hanya harga sayur seperti bendi dan sawi tidak banyak berubah," katanya.

Di **Terengganu**, tinjauan di Pasar Bukit Besar mendapati harga salad meningkat paling tinggi daripada RM5 sekilogram kepada RM18 sekilogram, manakala bendi, terung, sawi manis, cili merah, kubis bunga dan kacang buncis mengalami kenaikan minimum RM3 berbanding harga asal.

Bagaimanapun, harga kacang panjang menurun daripada RM22 sekilogram kepada RM15 sekilogram.

Peniaga, Siti Farhana Hassan, 23, berkata, harga sayur-sayuran mula naik beberapa minggu lalu berikutan kekurangan bekalan, khususnya selepas Aidilfitri.

"Harga ini tak menentu, ada masa dia naik dan ada masa turun bergantung bekalan yang ada. Harga pula berbeza setiap hari dengan kenaikan dikatakan disebabkan kekurangan bekalan.

"Sebagai contoh, harga salad memang agak tinggi kebelakangan ini apabila meningkat RM15 hingga RM18 sekilogram berbanding hanya RM5 sekilogram," katanya.

Di **Kota Bharu**, peniaga sayur, Roslina Ismail, 44, mengakui kenaikan berlaku apabila beberapa jenis sayur dibeli daripada peraih dan pemborong meningkat sehingga sekali ganda.

Dia yang sudah tujuh tahun berniaga di Pasar Siti Khatijah, mengakui tidak sampai hati menaikkan harga runcit sayur, sebaliknya memilih menjual pada harga sama tetapi kuantiti untuk seikat sayur dikurangkan.

"Memang ada peningkatan ketara harga sayur, contohnya kacang panjang sebelum ini saya beli sekitar RM5 hingga RM6 seikat besar daripada pemborong tapi kini mencecah RM10.

"Begitu juga terung yang sekarang sudah tidak boleh dijual RM5 sekilogram, sebaliknya RM8 hingga RM10 kerana kami membeli pada harga tinggi daripada peraih atau pemborong.

"Harga sawi pula antara RM10 hingga RM12 satu plastik, tetapi sekarang mencecah RM25.

"Memang banyak rungutan diterima, tetapi kami tak boleh berbuat apa-apa kerana harga daripada pemborong sudah mahal," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 5 |

Dedak ikan telah meningkat sehingga RM70 seguni tahun ini

# Patin Temerloh naik RM3 sekilogram

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

**TEMERLOH** – Ikan patin sangkar Sungai Pahang dan Sungai Semantan di sini yang sinonim dengan daerah Temerloh mula mengalami kenaikan harga disebabkan harga bahan mentah memelihara ternakan itu naik khususnya makanan ikan.

Berdasarkan tinjauan di beberapa gerai jualan ikan patin di sini mendapati ikan sungai berkenaan mengalami kenaikan sebanyak RM3 apabila dijual dengan harga RM20 sekilogram berbanding RM17 sebelum ini.

Seorang penjual ikan patin, Aizun Zainudin, 49, berkata, dia terpaksa menaikkan harga jualan ikan patin digerainya sejak pertengahan bulan ini selepas penternak menaikkan harga susulan kenaikan kos bahan mentah untuk makanan ikan.

"Saya terpaksa menaikkan harga ikan patin kerana penternak terbeban akibat kenaikan berterusan dedak ikan pada tahun ini dan mereka terpaksa menjual pada harga yang lebih tinggi.

"Bukan sahaja patin malah ikan lain seperti keli juga mengalami kenaikan yang dijual dengan harga RM12 sekilogram berbanding RM8 sebelum ini," katanya di di sini semalam.

Menurut Aizun, meskipun mengalami kenaikan harga sebanyak RM3, namun permintaan untuk ikan patin yang diternak di Sungai Pahang itu masih seperti biasa apabila terus mendapat permintaan daripada orang ramai.

Dalam pada itu, seorang penternak ikan patin, Nazimi Mohd. Rodzi, 38, berkata, kenaikan harga dedak ikan yang berterusan tahun ini sehingga mencecah hampir RM70 seguni menyebabkan dia dan penternak lain terbeban.

Katanya, dia terpaksa menaikkan harga ikan patin yang dijual kepada pemborong bagi memastikan tidak mengalami kerugian dan dapat terus melakukan aktiviti penternakan ikan yang menjadi sumber pendapatannya.

"Pada tahun ini sahaja sudah empat kali harga dedak ikan mengalami kenaikan yang mana dedak yang biasa saya beli dulunya RM58 bagi seguni 20 kilogram kini berharga antara RM66 hingga RM68.50 seguni.

"Tidak mungkin harga dedak ikan akan turun pada masa akan datang tetapi kemungkinan akan naik lagi ada, jadi saya dan penternak lain terpaksa menaikkan harga jualan kepada pemborong dan penjual ikan patin," katanya.

Tambahnya, kenaikan harga dedak yang berterusan membuatkan ramai penternak ikan sangkar yang masih terkesan akibat banjir dan pandemik Covid-19 terus terbeban.

Sementara itu pemilik restoran Go Bang Maju di sini, Mohamad Rizal Mohamad Rosli berkata, kenaikan harga ikan patin agak merisaukan kerana boleh menjejaskan pelanggan yang datang ke restorannya.

Katanya, dia yang masih menjual pada harga lama tidak menolak kemungkinan terpaksa menaikkan harga jualan ikan patin tidak lama lain.



**NAZIMI menunjukkan ikan patin yang dipeliharanya di Sungai Temerloh semalam.**



**AIZUN (kiri) menunjukkan ikan patin Sungai Pahang yang dijual di gerainya di Kampung Pangsenam di Temerloh semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# Harga sayur naik 3 kali ganda

**Oleh Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Selepas penternak ayam serta pekebun sawit berdepan masalah tenaga kerja yang kritikal, masalah sama kini turut membelenggu pengusaha ladang sayur di seluruh negara sehingga menyebabkan harga beberapa jenis sayuran meningkat lebih tiga kali ganda.

Susulan kekurangan pekerja, ia menjejaskan hasil pengeluaran sayur yang berkurangan di antara 40 hingga 50 peratus berbanding sebelum ini.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata antara jenis sayuran yang mengalami kenaikan harga mendadak adalah kacang panjang, bendi dan terung.

Ketiga-tiga sayuran itu sebelum ini dijual pada harga RM5 hingga RM6 sekilogram namun melonjak kepada RM9 hingga RM11 sekilogram, terutama di Johor.

*Nasional* 2



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/5/2022 | THE STAR | NATION | 6 |


# Industry to wait and see as chicken ceiling price ends on Sunday

**PETALING JAYA:** Stakeholders, industry players and chicken sellers are waiting to see what happens next after June 5 when the ceiling price of chicken of RM8.90 ends.

A chicken seller, who wants to be known only as Ibrahim, said the whole issue of chicken supply and pricing seems more like a tug of war.

"I have been selling chicken in the wet market for 17 years, and I can say that the current ceiling price is lower than the wholesale price.

"So I am selling at a loss and if I increase my price, the enforcement officers will impose a fine.

"With this in mind, I have decided that I will close my shop if they impose a fine on me because it is no longer viable.

"Even if I show them the bill from the wholesaler, it does not matter, so how is this going to work in the long run?

"The core issue here is that the price of chicken feed has increased; as such, the cost of rearing chicken has increased for the poultry farmers and they are not getting the subsidies promised to them in time.

"This backlog is creating a chain reaction for those in the business," he told *The Star*.

The government had set RM8.90 per kg as the ceiling price for chicken from Feb 5 to June 5.

An industry player who wishes to remain anonymous said that he will wait and see what happens after June 5.

"At this point, it is best to let the government handle the issue. The situation is really affecting the industry players," he said.

The Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) deputy president Mohd Yusof Abdul Rahman said the NGO has yet to receive any new updates on the price of chicken.

"Many are of the opinion that we should emulate countries that are banning exports to ensure their people have sufficient supply.

"This is something where the government should play a crucial part. Priority is for the locals, then if there is a surplus, stakeholders should be allowed to export," he said.

Mohd Yusof said it is best to take the "wait and see" approach for now.

A quick check by *The Star* among chicken sellers revealed that many wholesalers are out of stock.

One seller said: "I don't think the ceiling price will remain. The price of chicken is higher right now because the demand is also high. Currently, the stock is also less."

Another seller said he was cleaned out last month.

"I don't have any more stock, you have to find it elsewhere," he said.

Around the social media livestock groups, the issue of chicken feed remains the top reason for the increase in chicken price.

Hezry Haizah said that the price of corn and soy should be negotiated.

"The government should send a representative to negotiate this. If they can form a team to negotiate the price of palm oil, why not for corn?" he said.

Philip Laing said: "The biggest issue in the Malaysian chicken industry is the chicken feed ... the price of corn and soy needs to be controlled."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 31/5/2022 | NST | STORY OF THE DAY | 3 |

'FOOD NATIONALISM'

# 'BOOST AGRICULTURAL OUTPUT INSTEAD'

Nations helping each other does not make them vulnerable but stronger, says analyst

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my



*A worker preparing to feed chickens at a farm in Padang Terap, Kedah, recently. Institut Masa Depan Malaysia (Masa) chief executive officer Azril Mohd Amin (inset) says countries should step up agricultural production instead of restricting exports in times of crisis.* PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

COUNTRIES must strengthen regional cooperation and solidarity as they grapple with rampant and worsening food and energy shortages.

Institut Masa Depan Malaysia (Masa) chief executive officer Azril Mohd Amin said countries should step up agricultural production instead of restricting exports during trying times.

"Malaysia has emerged from the worst wave of the Covid-19 pandemic and continues to make strides in terms of economic recovery. But we are now confronted by a tsunami of challenges stemming from the Russia-Ukraine war and effective removal of Russia from the global economy.

"We are increasingly going to see developing countries adopting policies of 'food nationalism' and 'energy protectionism', and every nation's self-sufficiency is going to become paramount.

"At the same time, we must maintain and strengthen regional cooperation and solidarity, understanding that helping each other does not make us vulnerable but stronger, and self-sufficiency is not the same as isolation.

"We must be guided by the Prophetic tradition that says, 'He is not a believer whose stomach is filled while his neighbour goes hungry'.

"What this requires in practical terms is not more agricultural export restrictions, but rather, greater production, perhaps re-invigorating subsistence farming alongside farming for exportation," he said.

Azril proposed this during the "Role of Youths in Civilisation and Sustainability" forum organised by Universiti Malaya's Centre for Civilisational Dialogue (UMCCD) here yesterday.

The Russia-Ukraine war that erupted on Feb 24 had led to acute food shortages, and several countries had imposed export restrictions on crucial food items.

India, for example, banned wheat exports this month and a few days later, capped sugar exports to 10 million tonnes for the current marketing year to September.

Azril said Malaysia must consider and prepare for the effects of events like the Russia-Ukraine war on the country and region.

"Events like the war in Ukraine, and more specifically the isolation of Russia — which is creating a global economic disaster of immeasurable proportions — must be understood in the context of this historic transition of world power dynamics.

"From the beginning, Malaysia has been a nation deeply protective of our sovereignty and independence, and we have always resisted polarisation in international relations.

"As a member of the Non-Aligned Movement, or NAM, we have always maintained a wise self-interest impartiality in world affairs, which is necessary to preserve our autonomy and safeguard our national interests.

"This ethos of non-alignment and of independence may make us the target of pressure and criticism from those who wish to make us take sides. But it also makes us invulnerable to bullying," he said.

The current crisis, Azril said, had also highlighted the need to replace globalisation with greater economic regionalisation.

"Our importance as a consumer group, a labour and talent pool, a source of natural wealth and human potential, is making our nation and region the geopolitical and economic centre of the world.

"We must be prepared to make bold changes in charting the way forward to promote an inclusive sustainability agenda in line with the 2030 Agenda of Sustainable Development Goals (SDGs), and in the context of Malaysia, the *Wawasan Kemakmuran Bersama*, or 2030 Shared Prosperity Vision.

"Adopting a whole of nation approach enables us to synergise our efforts towards advocating and accelerating SDGs in the local context, particularly in areas of sustainable financing, climate action and technology.

"For example, in the additive manufacturing sector and 3D printing, Malaysia has recognised phenomenal economic potential while adhering to the three fundamental Rs of sustainability — reduce, reuse and recycle.

"Localisation of SDGs obliges us to engage discussions at the grassroots level by encouraging participation of the youth in the creative implementation of the SDGs," he added.

***Page 1 pic: A man carrying a bale of wheat during the harvest in a village in Egypt's Giza province recently.***